
Title	Ejaan baru
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1975 Muhammad Ariff bin Ahmad

KE 7502

tanggal: 751028

siaran: PENDIDIK

E J A A N B A R U

oleh: Muhammad Ariff Ahmad
Institiut Pendidikan

Perubahan sistem ejaan rumi (Melayu) dari “Ejaan Sekolah” ke “Ejaan Baru” bukanlah perubahan kali pertama dalam sejarah ejaan Melayu itu; pun perubahan itu bukanlah tidak pernah dicampurtangani oleh ahli-ahli bahasa Melayu Singapura. Peranan orang-orang Singapura seperti Encik-encik Harun Aminurrashid, Mahmud Ahmad, Ramli Abdul Hadi dan lain-lain; pun peranan pertubuhan-pertubuhan Singapura seperti Angkatan Sastrawan 50. Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura, bukanlah kecil dalam usaha mengubah dan menyempurnakan “Ejaan Sekolah” itu menjadi “Ejaan Baru”.

Semenjak David Barbosa (TM 1516) dikatakan telah menuliskan kata-kata Melayu dalam tulisan latin (rumi) untuk kegunaan anak-anak buah dan bangsanya, ejaan rumi Melayu itu telah mengalami tidak kurang daripada 21 kali perubahan. 10 jenis ejaan itu tertulis semata-mata berdasarkan telinga dan lidah (tanpa sistem) manakala 11 jenis lagi ialah ejaan yang diatur menurut sistem-sistem yang berbeza-beza; antaranya termasuklah sistem Ejaan Baru yang paling up-to-date buat masa ini.

Perhatikanlah perbezaan-perbezaan penulisan ejaan rumi tanpa sistem yang mungkin ditulis oleh penulisnya semata-mata berdasarkan pendengarannya dari sebutan orang-orang (putrabumi dan bukan putrabumi) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai lingua-franca di Alam Melayu ini pada zamannya.

TM 1521: Antonio Pigafetta menuliskan:

<u>caliz</u>	untuk kata: keris
<u>caphre</u>	“ “ “ “ kapir
<u>caraiar</u>	“ “ “ “ kerja
<u>giadihiat</u>	“ “ “ “ jahat
<u>ianghut</u>	“ “ “ “ janggut
<u>pixau</u>	“ “ “ “ pisau
<u>pugna</u>	“ “ “ “ punya
<u>yto</u>	“ “ “ “ itu

dan sebagainya.

TM 1598: Courneles de Houtman menuliskan:

<u>bewang</u>	untuk kata: buang
<u>capyer</u>	“ “ “ “ kapor
<u>itowen</u>	untuk kata: itu
<u>tgahet</u>	“ “ “ “ jahat
<u>tganga</u>	“ “ “ “ janggut
<u>quitabota</u>	“ “ “ “ kitapunya
<u>yrotdan</u>	“ “ “ “ hidung

dan sebagainya.

TM 1701: Thomas Bowrey menuliskan:

<u>camooponea</u>	untuk kata: kamupunya
<u>cerees</u>	“ “ “ “ keris
<u>dea</u>	“ “ “ “ dia
<u>eang</u>	“ “ “ “ yang
<u>parasch</u>	“ “ “ “ paras
<u>sapoedon</u>	“ “ “ “ sapuhidung (saputangan)

Cubalah baca sepotong tulisan Bowrey yang menceritakan tentang negeri Kedah:

Negree Quedah adda de ooloo soongey eang baick jaoe jika modick dungan praw dua arree, sedang oran dalam nea adda Raja pada nea, de toombo derree setoo tiop tiop tawon baraen sa reboo pecool lada eang terbaick, lagee baraen lema reboo pecool tema pootee de senee adda lagee rotan, damar, baraen sedekit mas, daen sedekit gadding, oran daen basa nea ea Malayoo betool.

TM 1812: William Marsden menuliskan:

<u>booloo</u>	untuk kata: bulu
<u>googoor</u>	“ “ “ “ gugur
<u>jaddee</u>	“ “ “ “ jadi
<u>krees</u>	“ “ “ “ keris
<u>poonya</u>	“ “ “ “ punya

dan sebagainya.

TM 1876: Le Abbe P Fabre menuliskan:

<u>kalaw</u>	untuk kata: kalau
<u>penxukor</u>	“ “ “ “ pencukur
<u>sakay</u>	“ “ “ “ sakai
<u>senoy</u>	“ “ “ “ senoi
<u>xahaya</u>	“ “ “ “ cahaya

dan sebagainya.

TM 1877: H von de Wall dan H N van der Tuuk menuliskan:

<u>boewang</u>	untuk kata: buang
<u>dawoen</u>	“ “ “ “ daun
<u>dija</u>	“ “ “ “ dia
<u>doewa</u>	“ “ “ “ dua
<u>kajin</u>	untuk kata: kain
<u>majin</u>	“ “ “ “ main
<u>tjajir</u>	“ “ “ “ cair

dan sebagainya.

TM 1833: D J Pijnappel menuliskan:

<u>djawoeh</u>	untuk kata: jauh
<u>kappoer</u>	“ “ “ “ kapur
<u>kerris</u>	“ “ “ “ keris
<u>makka</u>	“ “ “ “ maka
<u>neneg</u>	“ “ “ “ nenek

dan sebagainya.

TM 1885: C Klinkert menuliskan:

<u>sagala</u>	untuk kata: segala
<u>sakalian</u>	“ “ “ “ sekalian
<u>samalam</u>	“ “ “ “ semalam

dan sebagainya.

TM 1899: W G Shellabear pula menuliskan:

<u>bsar</u>	untuk kata: besar
<u>bharu</u>	“ “ “ “ baru
<u>klmarin</u>	“ “ “ “ kelmarin; kemarin

<u>kris</u>	“	“	keris
<u>plita</u>	“	“	pelita
<u>sdiadhulu</u>	“	“	dulu
<u>sndiri</u>	“	“	sendiri

dan sebagainya.

Nampaknya, Shellabear, bukan semata-mata mendasarkan pengejaannya itu kepada pendengarannya saja; tetapi amat mungkin dia mendasarkan juga ejaannya itu kepada ejaan Jawi!

TM 1900: lahir ejaan sistem Ch A van Ophuisen untuk digunakan bagi penulisan bahasa Melayu di Indonesia (28.10.1928 bahasa itu diisytiharkan sebagai bahasa Indonesia). Ejaan ini terang menampakkan sistem pengejaannya. Ia menggunakan 6 vokal (i, é, a, e, œ, o); 18 konsonan dasar (b, d, dj, g, h, j, k, l, m, n, ng, nj, p, r, s, t, tj, w); 6 konsonan skundar (ts, td, th, dl, ch, sj); dan 3 diftong (ai; au; oi). Penyesuaian vokalnya ditetapkan VI sempit + V2 sempit dan (kecuali VI a) V1 luas + V2 luas. Digunakan pula tandaulang (angka 2) pada kataulangnya. Kenjadilah ejaannya itu, misalnya:

baroo; djarang; njata; doedoek; tjari; kolam; bélék; putih;
mitsal; thaat; chabar; Sjarif; dlalim; hatdir; pakai; engkau;
amboi

dan sebagainya.

TM 1902: R J Wilkinson telah menyusun satu sistem ejaan rumi Melayu untuk kegunaan kamusnya dan penulisan Melayu di sekolah-sekolah Melayu di Malaya. Pada umumnya, sistem Wilkinson ini adalah sama dengan sistem van Ophuisen itu: Wilkinson juga menggunakan 6 vokal + 18 konsonan dasar + 6 konsonan skundar + 3 diftong; tetapi oleh kerana huruf-huruf Wilkinson adalah huruf-huruf Anglo-saxon maka beberapa vokal dan konsonannya menggunakan gambar-gambar bunyi yang berlainan. Mari kita perhatikan penggunaan kedua sistem itu untuk melihat perbezaannya.

	<u>Ophuisen</u>	<u>Wilkinson</u>
<u>vokal</u>	é = gésék e = gemuk œ = pœsat	e = gesek ě = gemuk u = pusat
<u>konsonan</u>		
dasar:	dj = djangan tj = tjari nj = njanji j = baji	j = jangan ch = chari ny = nyanyi y = bayi
skundar:	ts = mitsal ch = chabar sj = Sjarif dl = dlalim td = hatdir th = thaat	th = mithal kh = khabar sh = Sharif dz = dzalim dz = hadir t = ta'at
<u>kataulang1</u>	bœrcœng2 makan2	burung-burung makan-makan

dan sebagainya.

TM 1914: kamus W E Maxwell menggunakan sistem ejaan yang sama dengan Wilkinson; tetapi kamus Maxwell tidak menggunakan konsonan-konsonan skundar yang terambil dari konsonan-konsonan Arab. Konsonan-konsonan Arab itu ditukar oleh Maxwell menjadi konsonan Melayu. Terdapatlah ejaan yang asing daripada yang terpakai dalam kamus Wilkinson, misalnya:

<u>Wilkinson</u>	<u>Maxwell</u>
mithal	mi <u>s</u> al
<u>K</u> hamis	<u>K</u> amis
<u>ma</u> ' lum	<u>ma</u> alum
<u>ta</u> ' luk	<u>ta</u> aluk
<u>f</u> asal	<u>p</u> asal
had <u>z</u> ir	had <u>z</u> ir
ma <u>sh</u> hur	ma <u>sh</u> hur
' <u>a</u> lim	<u>a</u> lim

TM 1933: Za'ba (Zainal Abidin bin Ahmad) telah menyusun satu sistem ejaan untuk kegunaan dan diajarkan di sekolah-sekolah di Semenanjung Tanah Melayu (sistem Za'ba ini, kemudian, telah dipersesuai di sana sini oleh Mahmud Ahmad, dan dikenal sebagai ejaan sekolah). Ejaan sistem Za'ba ini menggunakan vokal-vokal, diftong-diftong dan konsonan-konsonan dasar yang sama dengan yang dipakai Wilkinson dan Maxwell; tetapi pada konsonan skunder kedapatan perbezaan-perbezaan yang tidak pokok, misalnya:

<u>penggunaan:</u>	(Wilkinson)	(Maxwell)	(Za'ba)
konsonan /dz/	<u>d</u> zalim	<u>z</u> alim	<u>d</u> zalim
	had <u>z</u> ir	had <u>z</u> ir	had <u>z</u> ir
konsonan /ʔ/	ma <u>ʔ</u> lum	ma <u>ʔ</u> lum	ma <u>ʔ</u> alum
konsonan /t/	pu <u>ʔ</u> ta	pu <u>ʔ</u> ta	po <u>ʔ</u> ta

Sistem Za'ba juga menyesuaikan vokalnya atas dasar sempit+sempit; luas+luas dan kekecualian V1/a/nya; tetapi ia menambahi satu kekecualian lagi iaitu: apabila konsonan-konsonan /k/, /h/, /r/, /ng/ menjadi koda morfem 2, maka vokal-vokal sempit pada V2 mestilah diubah menjadi vokal-vokal luas (/i/ jadi /a/ dan /u/ jadi /o/), misalnya:

(Wilkinson/Maxwell)	(Za'ba)
puch <u>u</u> k	puch <u>o</u> k
kab <u>u</u> r	kab <u>o</u> r
sir <u>u</u> h	sir <u>o</u> h
hid <u>u</u> ng	hid <u>o</u> ng

*(lihat Petua Ejaan Rumi Za'ba, Fasal 10 Undang-undang II (a))

Tentang kataulang, Za'ba membenarkan penggunaan kedua-kedua sistem Wilkinson-Ophuisen (boleh dengan memakai angka 2 dan boleh juga dengan memakai tandasempang). Tandasempang digunakan juga sebagai penghubung awalan-awalan di-, ka-, sa- dan si-, dan akhiran-akhiran -lah, -kah, -tah dan -nya dengan katadasar (lihat PERZ Fasal 42, Undang-undang XXXIV).

Perbezaan fonim-fonim 'ain dan hamzah sangat ketara dalam sistem ejaan Za'ba, iaitu: 'ain digambarkan dengan /ʔ/ dan hamzah digambarkan dengan /h/; padahal Wilkinson menganggap kedua-dua 'ain-hamzah itu sebagai satu glottal stop saja, dan digambarkan dengan /ʔ/.

Selain daripada perbezaan 'ain/hamzah itu, (lihat PERZ Fasal 16, Undang-undang VIII) kedapatan banyak lagi perbezaan ejaan-ejaan Za'ba ini daripada ejaan-ejaan Wilkinson. Perbezaan ini berlaku kerana apa yang didengar Wilkinson dari sebutan orang-orang agak berbeza dengan bunyi sebutan yang didengar Za'ba. Antara perbezaan-perbezaan itu ialah:

(Wilkinson)	(Za'ba)
jad <u>w</u> al	jad <u>a</u> ual
b <u>er</u> enang	b <u>er</u> enang
t <u>er</u> enang	t <u>er</u> enang
in <u>g</u> ar	h <u>in</u> gar
ch <u>o</u> ken	ch <u>u</u> kin
ch <u>o</u> ba	ch <u>u</u> ba
l <u>o</u> bang	lubang
t <u>u</u> nggang	t <u>o</u> nggang
m <u>u</u> dal	m <u>o</u> dal
t <u>u</u> mpang	t <u>o</u> mpang
k <u>u</u> mpul	k <u>o</u> mpol
p <u>a</u> lsu	p <u>o</u> l <u>o</u> su

PERZ Fasal 37, Undang-undang XXIX menetapkan “sa-” digunakan pada katadasar-katadasar yang sah kelihatannya, seperti: sa-têlah, sa-orang, sa-têngah dan sebagainya: tetapi “së” digunakan pada katadasar-katadasar yang samar-samar, seperti: sësuai, sëgala, sëkalian dan lain-lain. Dan, PERZ Fasal 26, Undang-undang XVIII membenarkan kita mengejakan kata-kata yang terambil (istilah Za’ba: dipinjam) dari bahasa Inggeris, samada dengan menggunakan ejaan Melayu, seperti: saman, repot, përeman, gëran, sain (tandatangan), lesen, mesen, gostan, gobet: atau dengan menggunakan ejaan asalnya, seperti: office, stamp, club, bus, ticket dan lain-lain.

TM 1943 (Tahun Jepun 2603) di Singapura yang pada ketika itu bernama Syonan (di bawah pemerintahan tentera Jepun) telah terbit 2 majalah Melayu Tulisan Rumi. Sebuah majalah itu bernama “SEMANGAT ASIA” diterbitkan oleh Marai Syimbun Sya (Syarikat Utusan Melayu) dan sebuah lagi bernama “FAJAR ASIA” diterbitkan oleh Marai Kensentan Sya (Syarikat Pembangunan Melayu Muda). “Semangat Asia” menggunakan ejaan sistem Za’ba kecuali vokal /ë/; vokal /e/ digunakan dengan dua fungsi /ë/ dan /e/, misalnya: berseh = bërseh.

“Fajar Asia” menggunakan ejaannya sendiri (bukan ejaan Za’ba yang dipakai di Malaya; bukan juga ejaan Ophuisen yang terpakai di Indonesia). Sesuai dengan kewibawaan dua wilayah menjadi satu (pada masa itu pemerintahan Singapura dan Malaya - setelah negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Siam – disatukan dengan Sumatera), “Fajar Asia” menggunakan ejaannya sendiri. “Fajar Asia” menggunakan vokal-vokal /a/, /e/ dengan tugas e and ë, /i/, /o/ dan /u/. Ia menggunakan konsonan-konsonan Anglo-saxon kaedah Maxwell, dan penyesuaian vokal seperti Wilkinson-Ophuisen.

Pengejaan “Fajar Asia” ini menyelaraskan sa- dan sě menjadi se; dan ka- dan ke menjadi ke. Dengan demikian, menjadilah:

ejaan SEMANGAT ASIA	ejaan FAJAR ASIA
sa-orang	seorang
sa-bagai	sebagai
sesuai	sesuai
saperti	seperti
ka-mana	kemana
kekaseh	kekasih

dan sebagainya.

“Fajar Asia” menampakkan juga beberapa ejaan tetap dengan sebutan-sebutan tertentu dan agak baru bagi sebutan orang-orang di Malaya, seperti:

air	bukan: <u>ayer</u> ; <u>ayir</u>
agama	bukan: <u>ugama</u> ; <u>igama</u>
durhaka	bukan: <u>derhaka</u>
nuraka	bukan: <u>neraka</u>
peristiwa	bukan: <u>persetua</u>
margasitwa	bukan: <u>mergastua</u>
masalah	bukan: <u>masaalah</u> ; <u>masa'alah</u> .

Pun, kedapatan juga dalam “Fajar Asia” itu ejaan-ejaan yang berbeza walaupun sama atau hampir-hampir sama sebutannya, untuk membezakan makna perkataan-perkataan itu, misalnya:

indah (cantik)	≠ endah (peduli)
chuchuk (tusuk)	≠ chochok (sesuai)
gulung (lipat)	≠ golongan (kumpulan);

demikian pula: bilik ≠ belek; titik ≠ tetek; telur ≠ telor; simak ≠ semak; silak ≠ selak dan sebagainya.

“Fajar Asia” juga telah memperkenalkan kata-kata Belanda yang telah umum dalam sebutan orang-orang Indonesia, dan melekatkan dalam penggunaan sehari-hari dalam kalangan belia-belia kita pada zaman itu. Kata-kata seperti: organisasi (pertubuhan); koreksi (pembetulan); koperasi (kerjasama); puisi (karangan berangkap) sangat memikat hati belia-belia terutama penulis-penulis muda kita pada masa itu. Sebab itu, apakala penulis-penulis muda “Fajar Asia” itu menjadi pelopor Angkatan Sasterawan 50, maka golongan ini dianggap sebagai pengimpot dan pembiak penggunaan kata-kata (yang pada suatu masa dulu dianggap jelek oleh setengah-setengah orang, tetapi sekarang nampaknya sudah mendarah-daging pula dalam bahasa kita) itu.

Dan, jika kita menganggap ejaan sistem Za'ba itu sebagai "Ejaan Lama" dan ejaan yang sedang digunakan sekarang sebagai "Ejaan Baru", maka saya rasa ejaan "Fajar Asia" itu adalah PERMULAAN EJAAN BARU.

TM 1947: ketika Mr Soewandi menjadi Menteri Pendidikan dan Pengajaran Indonesia, sebuah panitia ejaan telah ditubuhkan. Panitia itu dipertugaskan untuk memperbaiki ejaan sistem Ophuisen yang masih terpakai pada masa itu. Panitia itu telah merumuskan satu sistem ejaan yang diberinama "Ejaan Republik" atau "Ejaan Soewandi". Sistem itu adalah merupakan perbaikan (menurut istilah Indonesiannya: penyempurnaan) ejaan sistem Ophuisen. Ya, nampaknya, menggunakan vokal-vokal "Fajar Asia" (a, e, i, o, u menggantikan œ) tetapi menggunakan konsonan-konsonan Ophuisen.

Perbaikan tentang kataulang, sistem Soewandi ini, menggunakan tanda sempang sebagai pemisah morfim tetap dari morfim ulang kata-kata, misalnya:

se-kali ²	(sebutannya: <u>sekali-kali</u>)
sekali ²	(sebutannya: <u>sekali-sekali</u>)
per-lahan ²	(sebutannya: <u>perlahan-lahan</u>)
perlahan ²	(sebutannya: <u>perlahan-perlahan</u>)
me-nyanyi ²	(sebutannya: <u>menyanyi-nyanyi</u>)
dan <u>mudah²an</u>	= bukan mudah ² an
<u>se-kurang²nya</u>	= bukan sekurang ² nya ² ; se-kurang ² nya ² .

Sistem Soewandi ini juga mengakui adanya konsonan-gluncur dalam ejaan bahasa Melayu/Indonesia, seperti pada kata-kata: presiden; praktek; gluatjur; administrasi dan sebagainya.

TH 1950: lahirlah Angkatan Sasterawan 50 di Singapura. Antara anggota Asas 50 itu hanya saya dan Masuri S N yang masih menulis dengan Ejaan Sekolah pada masa itu, kerana latihan yang kami terima menerusi Sultan Idris Training College dan tugas-tugas kami setiap hari di sekolah memerlukan kami berbuat demikian; rakan-rakan yang lain ramai yang menulis menurut sistem "Fajar Asia" malah melakukan (secara tak rasmi) beberapa perubahan yang memudahkan. Oleh kerana majalah-majalah dan suratkhbar yang menyiarkan tulisan kami adalah menggunakan tulisan Jawi, maka soal kebakuan ejaan tidak pernah timbul pada masa itu: penulis-penulis boleh menulis dengan tulisan rumi (tak kita apa sistem ejaannya) dan tulisan-tulisan yang hendak disiarkan akan ditranslaterasi (diubah tuliskan) ke tulisan Jawi oleh pencetak yang menyiarkan tulisan-tulisan itu dengan kaedah ejaan jawinya masing-masing.

Prinsip pengejaan Asas 50 ini adalah: mudah, praktikal dan sedapatnya sekata. Ia menggunakan vokal-vokal Soewandi; menggunakan semata-mata konsonan-dasar; menggunakan glottal-stop Ophuisen; dan menggunakan diftong L A P Fabre. Ejaan Sistem Asas 50 ini menghapuskan kekecualian pada koda-koda /k/, /h/, /r/ dan /ng/ seperti yang terpakai dalam ejaan sekolah.

Dengan ketentuan-ketentuan di atas, Ejaan Sistem Asas 50 itu menjadi:

<u>mesuarat</u>	= bukannya: <u>mashuarat</u> ; <u>meshuarat</u> ; <u>musjawarah</u> .
<u>agung</u>	= bukannya: <u>agong</u>
<u>beda</u>	= bukannya: <u>bedza</u> ; <u>beza</u>
<u>has</u>	= bukannya: <u>khas</u> ; <u>kas</u>
<u>spesel</u>	= bukannya: <u>sepesel</u> ; <u>sepesial</u>

dan sebagainya.

Untuk membezakan kata-kata yang sebunyi tetapi berlainan makna, Asas 50 menetapkan:

<u>indah</u> (cantik)	dengan: <u>endah</u> (peduli)
<u>telur</u> (titik/ayam)	dengan: <u>telor</u> (pelat bunyi)
<u>tau</u> (kenal)	dengan: <u>tahu</u> (makanan)
<u>bau</u> (indra)	dengan: <u>bahu</u> (anggota badan)
<u>semalam</u> (sehari sebelum hari ini)	dengan: <u>samalam</u> (satu malam)
<u>Kamis</u> (nama hari)	dengan: <u>hamis</u> (semacam bau)

dan sebagainya.

Perbezaan tentang “di” dan “ke” sebagai katasendi, dengan “di” dan “ke” sebagai awalan, juga ditetapkan oleh Asas 50: “di/ke” sendikata dipisahkan dengan katadasar, manakala “di/ke” awalan dicantumkan dengan katadasarnya, misalnya:

<u>katasendi</u>		<u>awalan</u>
di sekolah	≠	disekolahkan
ke seluruh kota	≠	keseluruhan
kecuali katasendi yang katadasarnya penunjuk arah, misalnya:		
<u>dimana</u> ; <u>kesana</u> ; <u>kemari</u>		

dan sebagainya.

Sistem Asas 50 ini juga menerima ejaan-ejaan yang ditulis mengikut bunyinya, misalnya:

<u>baru</u>	bukannya: <u>baharu</u> ; <u>bahru</u>
<u>dulu</u>	bukannya: <u>dahulu</u>
<u>saja</u>	bukannya: <u>sahaja</u>
<u>sikit</u>	bukannya: <u>sedikit</u>
<u>air</u>	bukannya: <u>ayer</u> ; <u>ayir</u>

dan sebagainya.

TM 1952: Dalam Kongres Persuratan Melayu Malaya I, Apakala Asas 50 mengusulkan supaya persuratan Melayu Modern harus menggunakan Tulisan Rumi, Asas 50 telah ditentang mati-matian oleh wakil Penerbit "Qalam" yang kebetulan pada masa itu majalahnya bertulisan Jawi. KPMM (kongres) pada masa itu tidak menyokong Asas 50 ataupun Qalam; tetapi telah mengambil keputusan: melantik satu jawatankuasa untuk meneliti dan menyiasat sejauh mana kedua-dua tulisan (Jawi/Rumi) itu digunakan dalam kehidupan orang-orang Melayu, kemudian melapurkan laporan mereka kepada KPMM ke-2.

TM 1954: Jawatankuasa Penyiasat Tulisan KPMM-1 yang terlantik pada 13.4.52 itu (Encik-encik: Harun Aminurrashid – Singapura, Mahmud Ahmad – Singapura, Kamaluddin Muhammad – Singapura, Ramli Abdul Hadi – Singapura, Buyong Adil – Singapura, Yusof Harun – Melaka, A Samad Idris – Negeri 9, Mohd Asry Haji Muda – Perak, dan Mohamad Wooldy – Kelantan) telah mengemukakan laporan lengkapnya kepada KPMM-2:

<u>jenis lapangan yang disiasat</u>	<u>tulisan</u>	
	<u>Jawi</u>	<u>Rumi</u>
1. Buku-buku dalam bahasa Melayu digunakan di sekolah-sekolah Melayu	35%	65%
2. Buku-buku, Suratkhbar, Majalah dan Risalah-risalah bacaan am yang terbit lepas Perang Dunia Kedua	95%	05%
3. Surat-surat daripada orang-orang Melayu kepada Pengarang dan Pengurus suratkhbar Melayu dan kedai-kedai Syarikat Melayu	20%	80%
4. Surat-surat daripada orang-orang Melayu kepada Radio Malaya dan siaran ke sekolah-sekolah Melayu	10%	90%
5. Surat-surat daripada orang-orang Melayu ke pejabat-pejabat kerajaan	55%	45%

6. Surat-surat borang-borang daripada pejabat-pejabat kerajaan kepada orang-orang Melayu	90%	10%
7. Surat-surat berbahasa Melayu daripada ahli-ahli kepada persekutuan masing-masing dan minit-minit persekutuan-persekutuan Melayu	30%	70%
8. Surat-surat peribadi antara orang-orang Melayu	40%	60%
9. Pelekat-pelekat; iklan-iklan; nama-nama kedai; nama-nama jalan dan sebagainya	90%	10%
10. Bahasa Melayu dalam perusahaan film, Radio Malaya, wayang dan sandiwara	01%	99%

Berdasarkan peratusan yang ditunjukkan dalam laporan itu, Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura mencadangkan supaya TULISAN RUMI hendaklah dijadikan tulisan rasmi untuk perkembangan bahasa Mealyu Modern dengan tidak menghapuskan TULISAN JAWI. Cadangan itu disokong oleh Angkatan Sasterawan 50 dan disetujui oleh para kongresten. Oleh kerana ada juga keputusan mengenai penyatuan bahasa dan sistem pengejaan (Rumi) Melayu- Indonesia, KPMM-2 pada 2.1.54 itu telah mengarahkan Asas 50 supaya menghubungi ahli-ahli bahasa di Indonesia menerusi Konsulat Indonesia di Singapura. Arahan itu telah dikerjakan oleh Asas 50. Dengan usaha “kongres kecil” anjuran Asas 50, lima orang wakil KPMM telah dikirim ke Medan: menghadiri Kongres ke-2 Bahasa Indonesia yang diadakan dari 28 Oktober hingga 2 November 1954.

TM 1956: Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya diadakan di Universiti Singapura dan di Istana Besar Johor Bahru. Di kongres ini telah bertemu kerabat-kerabat KPMM dan Wakil-wakil Kongres Bahasa Indonesia di Medan. Masalah ejaan (Rumi) telah dibincangkan dengan serious. Ejaan Asas 50 yang dikatakan praktikal ditandingkan dengan sistem ejaan yang dikemukakan oleh PBMUM (Persatuan Bahasa Melayu University Malaya, di Singapura) yang akademis. Masalah penyatuan sistem pengejaan Melayu-Indonesia dibincangkan sekali gus. Kedua-dua pihak (Melayu-Indonesia) bersetuju pada dasarnya hendak menggunakan satu sistem ejaan yang sama. Dan, dari sinilah bermulanya kerjasama mengaturkan sistem bersama yang akan digunakan oleh kedua-dua pihak yang berkenaan itu.